

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah keselamatan di sempadan akibat dari peristiwa pengeboman di negara jiran serta pemerdagangan manusia melalui sempadan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi-operasi pencegahan telah lama dilaksanakan oleh agensi-agensi keselamatan Negara seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

Langkah-langkah keselamatan sedia ada telah dipertingkatkan menerusi pelbagai operasi seperti Ops Wawasan serta Ops Merpati di kawasan sempadan negeri Kelantan, Ops Pagar di sempadan negeri Perak dan Ops Wawasan di sempadan negeri Kedah dan Perlis.

Pihak ATM dan PDRM kini sedang meningkatkan rondaan agresif di sepanjang kawasan pagar sempadan yang menjadi '*hot spot*' bersama pasukan keselamatan negara jiran. Di samping itu, terdapat pos-pos kawalan keselamatan yang didirikan di sempadan bagi meningkatkan lagi tahap kawalan dan mengekang aktiviti-aktiviti haram di sempadan. Sehingga kini, terdapat sebanyak 164 Pos Kawalan Keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia. Pengawalan pintu masuk Negara di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ)/Kastam, Imigresen, dan Kuarantin (CIQ) dikawal oleh PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain agensi.

Tindakan penyelarasan di peringkat nasional turut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG) yang dipengerusikan secara

bersama oleh Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara bagi membolehkan tindakan bersepada dilaksanakan dalam pengurusan sempadan Negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama di peringkat negeri oleh Panglima Briged dan Ketua Polis Negeri berkenaan bagi tujuan membolehkan penyelaras operasi di lapangan dilaksanakan. Jawatankuasa Perancang Gerakan turut menyelaras hal ehwal operasi di kawasan sempadan yang meliputi sempadan darat Antarabangsa di antara Malaysia-Indonesia, Malaysia-Thailand, Malaysia-Brunei dan juga meliputi keselamatan sempadan perairan di antara Malaysia-Singapura dan Malaysia-Filipina.

Usaha kerajaan untuk sentiasa memperkemas tahap keselamatan di kawasan sempadan juga melibatkan kerjasama dengan negara-negara jiran. Antaranya adalah melalui mekanisme Jawatankuasa Am Sempadan (*General Border Committee-GBC*) yang melibatkan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Thailand. Mekanisme GBC MALINDO dan GBC MALTHAI yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan negara-negara terbabit memperlihatkan kerjasama dalam pelbagai lapisan dan skop pengurusan sempadan yang meliputi bidang keselamatan dan kerjasama sosio-ekonomi. Kerjasama keselamatan dengan negara jiran ini secara komprehensif meliputi latihan bersama, pertukaran maklumat keselamatan, pencegahan jenayah di kawasan sempadan, perancangan kerjasama pembangunan sosio-ekonomi kawasan sempadan secara terselaras serta pengurusan pintu masuk.

Inisiatif yang diambil oleh Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Thailand bagi meningkatkan tahap kawalan sempadan adalah dengan memperkenalkan *Border Co-Management*. Matlamat dan tujuan *Border Co-Management* ini adalah untuk menguruskan sempadan dengan lebih

teratur dan sistematik. *Border Co-Management* ini juga merangkumi pembinaan pagar dan tembok secara bersama, mengenal pasti permasalahan yang perlu diselesaikan, membangunkan kawasan-kawasan sempadan bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi komuniti sempadan serta mengenal pasti agensi-agensi Kerajaan yang akan terlibat di dalam *Border Co-Management*.

Kerajaan memandang serius aspek keselamatan sempadan dan usaha telah dilakukan melalui inisiatif yang telah diperkenalkan di samping meningkatkan hubungan yang erat serta komprehensif dengan negara jiran agar keselamatan dan kestabilan Negara tidak tergugat.

Sekian. Terima kasih.